

10/01/1998

Ekonomi pulih cepat (HL)

Radzi Wahab; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin ekonomi negara akan pulih sekurang-kurangnya ke tahap sederhana dalam tempoh enam hingga 12 bulan jika rakyat menaruh kepercayaan penuh terhadap nilai ringgit dan pasaran saham negara.

Menurut Perdana Menteri, walaupun keadaan ekonomi sukar untuk kembali kepada keadaan asal seperti sebelum kejatuhan nilai ringgit enam bulan lalu, beliau tetap yakin tahap sederhana itu dapat dicapai.

"Tetapi yang pentingnya kita harus mempunyai keyakinan dan kepercayaan kepada ekonomi dan mata wang kita.

"Kalau kita punya keyakinan dan tidak berbuat sesuatu yang merugikan seperti menukar ringgit kepada dolar Amerika atau mata wang asing, maka kita akan mudah pulih kerana kita tidak menyebabkan nilai mata wang kita jatuh sendiri," katanya.

Bercakap pada wawancara khas Pengguna Dan Ekonomi, melalui slot Malaysia Hari Ini yang disiarkan di TV3, beliau turut mengajak rakyat mengamalkan beberapa langkah berhemat.

Menurutnya, antara langkah itu ialah rakyat tidak harus membeli barangan import bagi tujuan mengurangkan penggunaan mata wang asing, di samping digalakkan menabung serta menaruh kepercayaan terhadap bank tempatan.

"Kalau kita buat demikian, saya yakin kita boleh pulih, bukan ke tahap yang asal tetapi ke tahap sederhana yang cukup untuk kita, mungkin dalam jangka enam bulan atau setahun," katanya.

Sambil mengakui memang rumit bagi rakyat untuk mendapatkan kembali keyakinan mereka terhadap ekonomi negara, Dr Mahathir berkata, rakyat harus melawan perasaan itu demi kepentingan mereka dan negara.

"Asas ekonomi kita kukuh dan rakyat mesti ada kepercayaan kepada ringgit dan pasaran saham kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, masalah ekonomi yang dialami sekarang berbeza dengan kegawatan yang dihadapi pada pertengahan 1980-an kerana ketika itu nilai ringgit tidak jatuh dan keadaan mudah dipulihkan.

"Tetapi, kali ini kita tidak boleh menguasai nilai mata wang kita.

"Setiap kali kita cuba untuk memulih, maka mereka menjual lagi ringgit kita dan nilai mata wang kita jatuh lagi," katanya.

Menjawab soalan mengapa Malaysia tidak meminjam daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) seperti yang dilakukan oleh beberapa negara jiran, Perdana Menteri berkata tindakan itu hanya akan menunjukkan kelemahan negara.

Menurutnya, keadaan itu juga akan menjadikan Malaysia terlalu bergantung kepada orang lain dan pihak tertentu boleh menggunakan kesempatan itu untuk menekan kita.

Selain itu, Dr Mahathir berkata jika pinjaman dibuat dalam bentuk mata wang asing dan nilainya pula meningkat, bermakna negara terpaksa membayar pinjaman dalam kadar ringgit yang tinggi.

"Kalau dulu, kita cuma perlu mencari RM2.50 untuk membayar satu dolar yang kita pinjam, sekarang kita perlu cari RM4.50.

"Ini menyebabkan negara kita jadi lebih miskin. Sebab itu, kita tak mudah meminjam daripada orang asing dan sebaiknya, kita harus menabung sendiri," katanya.

Mengenai faktor asing yang menyumbang atau menambah kepada masalah ekonomi negara, Perdana Menteri berkata ia tidak dapat dielak kerana ia berlaku di luar kuasa kita.

(END)